



PENYELAMATAN

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Penyelamatan

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Penyelamatan

A black and white illustration of a scroll with frayed edges, containing two quotes. The scroll is oriented horizontally and has a small circular detail on the left side, suggesting it is a rolled-up document.

“Dalam nama-Nya berita tentang pertaubatan dan pengampunan dosa harus disampaikan kepada segala bangsa, mulai dari Yerusalem”
(Lukas 24:47)

“Percayalah kepada Tuhan Yesus Kristus dan engkau akan selamat, engkau dan seisi rumahmu”
(Kisah Rasul-Rasul 16:31)

Dari satu sudut pandangan, penyelamatan kelihatan sangat mudah. Ia boleh disimpulkan dengan kata-kata Paulus kepada pegawai penjara Filipi: “Percayalah kepada Tuhan Yesus Kristus dan engkau akan selamat, engkau dan seisi rumahmu” (Kisah Rasul-Rasul 16:31).

Pada masa yang sama, penyelamatan juga sangat mendalam. Ia mempunyai kesan yang sangat menyeluruh dan berkekalan kepada mereka yang mengalaminya. Kita tidak perlu memahami semua aspek penyelamatan untuk layak menerimanya. Kita mungkin mempunyai sedikit kefahaman sewaktu mempercayai Yesus Kristus.

Mungkin ada perkara yang tidak akan kita fahami sehinggalah kita bersemuka dengan Allah sendiri. Walaupun demikian, kita mampu memperkayakan kerohanian kita dengan mempelajari Firman Allah dan memahami kebenaran tentang keselamatan secara lebih mendalam.

A. Pertaubatan

Yohanes Pembaptis memulakan pelayanannya dengan panggilan pertaubatan:

“Bertaubatlah daripada dosa kamu – kerana Kerajaan Allah telah dekat.” (*Matius 3:2*)

Yesus juga mula berkhotbah dengan kata-kata yang serupa (*Matius 4:17*). Dia menyeru para pengikut-Nya:

“Dalam nama-Nya berita tentang pertaubatan dan pengampunan dosa harus disampaikan kepada segala bangsa, mulai dari Yerusalem.” (*Lukas 24:47*)

Petrus juga menyatakan mesej ini pada Hari Pentakosta (*Kisah Rasul-Rasul 2:38*). Petrus menyatakan bahawa sekarang Allah menyeru “hendaklah setiap orang di kalangan saudara bertaubat daripada dosa”. Penerimaan berita baik bermaksud “baik kepada Yahudi mahupun bukan Yahudi . . . bertaubat daripada dosa lalu datang kepada Allah serta percaya kepada Yesus, Tuhan kita” (*Kisah Rasul-Rasul 20:21*).

Istilah yang digunakan dalam Perjanjian Lama untuk pertaubatan membawa maksud “berpaling daripada atau kembali kepada.” Ia menyifatkan keputusan seseorang untuk berpaling *daripada* dosa dan kembali *kepada* Allah. Istilah *taubat* dan *pertaubatan* digunakan di dalam Perjanjian Baru untuk merujuk kepada maksud asas “berubah fikiran” dalam hubungan seseorang dengan dosa dan juga Allah. Berubah fikiran bermaksud menyedari realiti dosa serta membuat keputusan untuk berpaling kepada Allah.

Dengan erti kata yang lain, ia merupakan dua aspek negatif dan positif bagi kebenaran yang sama. Keduanya tidak boleh dipisahkan dan saling melengkapi. Ketika mempertahankan diri di hadapan Agripa, Paulus berkata: “Aku memberitakan kepada orang-orang Yahudi dan juga kepada bangsa-bangsa lain, bahwa mereka harus bertaubat dan berbalik kepada Allah serta melakukan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan pertaubatan itu” (Kisah Rasul-Rasul 26:20).



PERTOBATAN SEJATI BUKAN HANYA
DITANDAI DENGAN KEBERANIAN
UNTUK MENGAKUI DOSA DAN
MENINGGALKANNYA, MELAINKAN
DISERTAI DENGAN **PERPALINGAN**
HATI KEPADA ALLAH.

Pertaubatan sebenar bukan sekadar penyesalan, seperti yang dialami oleh Yudas selepas mengkhianati Yesus. Ia melibatkan semua aspek intelek, emosi dan juga kehendak.

- **Intelek** membantu kita menuju pertaubatan. Intelek membantu kita memahami kesucian Allah dan hukum-Nya. Ia juga menyedarkan kita tentang kegagalan dan ketidak-upayaan diri untuk mematuhi hukum Allah. Inilah permulaan untuk pertaubatan. Ia melibatkan “perubahan fikiran” tentang siapakah Yesus. Perkara inilah yang terjadi kepada orang Yahudi pada Hari Pentakosta (Kisah Rasul-Rasul 2:14-40). Dahulu mereka melihat Yesus sebagai seorang penipu, tetapi Petrus menyeru mereka untuk menerima-Nya sebagai Mesias dan Penyelamat.
- **Emosi** juga terlibat di dalam pertaubatan. Kesedihan yang seiring dengan kehendak Allah membawa kepada pertaubatan tanpa sesalan. Ia bukan sekadar perasaan sedih suam-suam kuku meminta pengampunan dosa yang sering diikuti dengan perubahan fikiran. “Sebab dukacita menurut kehendak Allah menghasilkan pertaubatan yang membawa keselamatan dan yang tidak akan disesalkan, tetapi dukacita yang dari dunia ini menghasilkan kematian.” (2 Korintus 7:10).

Pertaubatan menyebabkan kita bersedih terhadap kesan dosa yang parah ke atas seseorang dan hubungannya dengan Allah. Akan tetapi, emosi bukan satu sukatan untuk mengukur kesungguhan

pertaubatan seseorang. Tangisan tidak semestinya menunjukkan kesungguhan. Walau bagaimanapun, kita pasti akan beremosi sehinggakan terdorong untuk mendapatkan bantuan.

- **Kehendak** turut memainkan peranan di dalam pertaubatan. Kehendak membuatkan kita mengambil keputusan untuk bertaubat. Anak yang hilang bukan sahaja sedar dan menyesali perbuatannya, malah dia bertindak: “Aku akan berangkat dan pergi kepada ayahku . . . *Dia pun pulang kepada bapanya*” (Lukas 15:18,20. Tulisan condong ditambah). Pertaubatan adalah tindakan nekad untuk berpaling dengan bersungguh-sungguh daripada dosa dan mengikuti Allah. Pertaubatan sebenar sentiasa membawa kepada perubahan kelakuan dan sikap.

Komponen-komponen dalam pertaubatan sejati:

1. Intelek

2. Emosi

3. Kehendak



B. Iman dan Penyelamatan

Pertaubatan yang sebenar akan membawa kepada iman. Bahkan ada sesetengah orang Kristian yang mengerti iman harus melibatkan pertaubatan: “Saya sudah berubah fikiran.” Tindakan seseorang menerima Kristus sebagai Penyelamat dengan iman ialah bukti bahawa dia sedar dia telah berdosa dan memerlukan Penyelamat.

Perjanjian Lama beberapa kali menggunakan istilah *iman* dalam variasi bentuk kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Istilah tersebut juga digunakan sebanyak beratus-ratus kali dalam Perjanjian Baru. Maksud penggunaan yang paling umum ialah “kepercayaan utuh ataupun bergantung sepenuhnya terhadap sesuatu.”



Iman ialah pusat kepada seluruh pengalaman orang Kristian. “Tanpa iman, tidak seorang pun dapat menyenangkan hati Allah. Orang yang datang kepada Allah mesti percaya bahawa Allah wujud, dan bahawa Allah menganugerahi orang yang mencari-Nya” (Ibrani 11:6)

Penggunaan ‘Iman’ di dalam Perjanjian Baru selalu berlatar-belakangkan Kristus dan pekerjaan-Nya. Dia merupakan objek keimanan, kebergantungan atau

kepercayaan kita: “Setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal” (Yohanes 3:16). Iman yang berdiri sendiri tiada maknanya. Ia memerlukan objek untuk dituju, yang digunakan untuk bersandar. Sekiranya objek keimanan kita adalah sesuatu yang tidak wajar, kita adalah mangsa kepada tahyul, tidak kira seikhlas mana pun kita mempercayainya.

Ada beberapa komponen yang terlibat dalam iman keselamatan:

- 1. Fakta-fakta tentang Yesus Kristus** – keilahian-Nya, kematian-Nya dan keperluan kita akan Dia – adalah permulaan iman keselamatan. Kita harus menerima semua fakta ini sebagai kebenaran, akan tetapi pengetahuan mental semata-mata tidak akan menyelamatkan kita. Yakobus menjelaskan: “Kamu percaya bahawa Allah hanya satu. Bagus! Roh-roh jahat pun percaya akan hal itu dan gementar kerana takut” (Yakobus 2:19). Seseorang tidak mungkin menjadi orang Kristian tanpa mempercayai fakta tentang identiti Yesus yang telah didedahkan.
- 2. Komitmen dan kepercayaan terhadap Kristus** yang melampaui pengetahuan ilmiah tentang Kristus, ialah kunci kepada iman keselamatan. Komitmen dan kepercayaan sedemikian melibatkan kehendak, fikiran dan emosi. Kita tidak percaya hanya kerana dipengaruhi perasaan, tetapi kita mengambil keputusan untuk percaya. Demikianlah hubungan peribadi itu bermula.

- 3. Iman ialah instrumen yang menghubungkan kita dengan Kristus.** Perjanjian Baru menekankan bahawa kita diselamatkan oleh iman dan bukan oleh usaha kita. “Tetapi seseorang yang percaya kepada Allah tidak bergantung kepada usahanya sendiri. Orang itu percaya kepada Allah yang menyatakan orang berdosa bebas daripada dosa. Kepercayaan orang itu menyebabkan dia diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya” (Roma 4:5).

Dari manakah datangnya iman? “Iman timbul dari pendengaran, dan pendengaran oleh firman Kristus.” (Roma 10:17). Pada zaman Rasul-rasul, banyak orang yang mendengar perkhabaran itu dan percaya (Kisah Rasul-Rasul 4:4). Allah menggunakan Firman-Nya, baik melalui perkataan mahupun penulisan, untuk menghasilkan iman. Pada masa yang sama, iman ialah pekerjaan Allah. Ketika kita berpaling kepada-Nya, Dia juga sedang membawa kita.

- 4. Usaha yang baik ialah hasil kehidupan baru.** Apabila kita membaca bahawa kita diselamatkan oleh iman dan bukan oleh “usaha”, usaha yang dimaksudkan di sini ialah usaha untuk mentaati Hukum sebagai jalan untuk mendapatkan keselamatan. Yakobus (2:14, 18, 20) tidak menggunakan istilah usaha dengan maksud yang sama. “Usaha” yang dimaksudkannya serupa dengan “buah Roh” seperti yang dikatakan oleh Paulus (Galatia 5:22). Leon Morris berkata, “Usaha ialah perbuatan baik dan

kasih yang bercambah dari sikap yang benar kepada Allah. Ia adalah buah daripada iman. Apa yang ditentang oleh Yakobus ialah pengakuan iman tanpa hasil sebagai bukti.”

C. Kelahiran Semula, Satu Kehidupan Yang Baru

Kelahiran baru ialah perubahan hati dari sudut pandangan ilahi. Dari sudut pandangan manusia pula, kita memanggilnya sebagai pertaubatan. Yesus berkata, “jika seorang tidak dilahirkan dari air dan Roh, ia tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Allah.” Roh Allah bekerja untuk memberikan kita hidup yang baru: “Dia menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik kita, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Allah menyelamatkan kita melalui Roh-Nya, yang mengurniai kita kelahiran baru dan hidup baru dengan membasuh kita” (Titus 3:5).

Semak ayat-ayat berikut dan tuliskan apa yang dikatakan olehnya tentang kehidupan yang baru:

Yesus menjawab, kata-Nya: “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan kembali, dia tidak dapat melihat Kerajaan Allah.” (Yoh 3:3)

Yohanes 3:3

¹²Tetapi kepada mereka yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan-Nya hak menjadi anak Allah.

¹³Mereka menjadi anak Allah bukan dengan jalan dilahirkan oleh manusia, tetapi Allah sendiri menjadikan mereka anak-anak-Nya. (Yoh 1:12-13)

Yohanes 1:12-13

⁴Tetapi Allah sangat berbelas kasihan dan Dia sangat mengasihinya, ⁵ sehingga sementara kita mati secara rohani kerana pelanggaran kita, Dia menghidupkan kita semula bersama-sama Kristus. Kamu sudah diselamatkan oleh rahmat Allah.

(Ef 2:4-5)

Efesus 2:4-5

Sebelum kelahiran baru, keinginan diri dan dosa menguasai kita. Kita akan berbuat mengikut cara kita. Selepas kelahiran semula, Roh Allah yang berkuasa. Orang yang telah dilahirkan semula berkongsi kehidupan yang sama seperti Allah, dan turut serta dalam “sifat Allah” (2 Petrus 1:4) dan digambarkan sebagai “ciptaan baru” (2 Korintus 5:17). Dia menjadi “manusia baru, yang diciptakan menurut rupa Allah dalam kebenaran dan kekudusan” (lihat Efesus 4:24; Kolose 3:10).

“Hendaklah kamu hidup seperti manusia baru, yang diciptakan menurut rupa Allah. Dengan demikian orang dapat melihat bahawa kamu mengamalkan hidup yang menyenangkan hati Allah dan yang suci.” (Ef 4:24)

“Sekarang kamu menjadi manusia baru yang sentiasa dibaharui oleh Penciptanya iaitu Allah, supaya menjadi seperti Dia. Dengan demikian kamu dapat mengenal Allah dengan sempurna.” (Kol 3:10)

Kelahiran semula adalah pengalaman muktamad yang berlaku sekali dalam hidup, tetapi mempunyai hasil yang berterusan dalam kehidupan sebagai Kristian.

Allah mahu semua orang diselamatkan serta mengetahui ajaran benar tentang penyelamatan (1 Timotius 2:4). Orang yang tidak mahu menerima kelahiran baru itu bukan kesilapan Allah kerana tanggungjawab tersebut terletak pada diri kita sendiri.

D. Pembeneran: Diisytiharkan Benar

Pengalaman penyelamatan tidak selesai di situ sahaja. Roh Allah akan terus bekerja dalam kehidupan baru kita sebagai seorang Kristian, dan itu adalah sesuatu yang berterusan sehingga kita berjumpa dengan Tuhan:

- 1) Kita telah diselamatkan (Pembeneran)
- 2) Kita sedang diselamatkan (Pengudusan)
- 3) Kita akan diselamatkan (Pemuliaan)

Pembeneran sering diertikan sebagai “seolah-olah saya tidak pernah berdosa.” Ia membawa pengertian tentang

pengampunan, dan pembebasan dari dosa lampau sewaktu kita mengalami kelahiran baru. Tetapi *pembenaran* juga mempunyai maksud yang lebih mendalam: Allah secara positif mengisytiharkan kita menjadi *benar*.

Ketika Allah mengampunkan kita, pengampunan-Nya bukan sahaja menjadikan kita neutral – kosong dari segi moral dan rohani; tetapi pengampunan Allah membawa-Nya melihat kita “di dalam Kristus” dengan kebenarannya yang sempurna. Dia menganugerahkan kebenaran Yesus kepada orang yang mempercayai-Nya. Ini bukan bermaksud seseorang berubah menjadi salih. Ia hanya mengisytiharkan seseorang sebagai tidak bersalah dari segi penghukuman, hutangnya sudah dibayar, dosanya telah diampunkan dan dia mendapat hubungan yang benar bersama Allah.

Paulus menegaskan bahawa kita tidak boleh diselamatkan oleh Hukum Taurat.

“Jika seseorang melakukan apa yang diwajibkan oleh Taurat, hal itu tidak bererti dia berbaik semula dengan Allah. Sebaliknya Taurat hanya menunjukkan manusia bahawa mereka berdosa.” (*Roma 3:20*)

Dia meneruskan penerangannya:

“Tetapi oleh rahmat Allah yang dikurniakan dengan percuma, hubungan manusia dengan Allah menjadi baik semula, melalui Yesus Kristus yang membebaskan kita.” (*Roma 3:24*)

Terdapat dua asas untuk pengisytiharan *pembenaran*.

- 1) Kematian Kristus sebagai pengganti kita memenuhi kehendak hukum Allah yang kudus terhadap dosa kita: “Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa. Melalui kematian Kristus, kita sekarang berbaik semula dengan Allah. Oleh itu, kita pasti akan diselamatkan dari kemurkaan Allah kelak.” (*Roma 5:8-9*)
- 2) Allah mengurniakan kebenaran Kristus kepada kita, berdasarkan ketaatan-Nya yang sempurna: “Sebagaimana semua orang menjadi orang berdosa kerana satu orang tidak taat [Adam], demikian juga orang dapat berbaik semula dengan Allah, kerana satu orang taat [Kristus] kepada Allah.” (*Roma 5:19*)

Kristus menjadi sama seperti kita ketika Dia menanggung dosa kita dan disalibkan. Apabila kita percaya kepada-Nya, Dia menganugerahkan kita kehidupan baru di dalam kebangkitan-Nya dan berkongsi kebenaran-Nya.

Pembenaran datang melalui iman. Martin Luther menyedari kebenaran ini. Dia telah melihat betapa besarnya kebenaran ini: “Orang yang percaya kepada Allah sehingga hubungannya dengan Allah baik semula, orang itu akan hidup!” (*Roma 1:17*). Dia telah melihat bahawa Allah telah menerimanya melalui penyaliban Kristus dan ia tidak bergantung kepada usahanya sendiri. Kristus sudah membolehkan pembenaran dan pengampunan berlaku. Reformasi Protestan bermula daripada penemuan ini.

Apabila kita berkata kita “telah diselamatkan”, kita merujuk kepada *pembenaran*. Paulus menulis kepada umat Allah di Efesus:

“Hal itu demikian, kerana dengan rahmat Allah, kamu diselamatkan oleh sebab kamu percaya kepada Yesus.” (*Efesus 2:8*)

Kepastian Paulus ke atas perkara yang telah dilakukan oleh Allah terhadapnya pada masa lalu, menjadikan keyakinannya semakin melimpah-limpah. Dia menulis:

“Aku yakin bahawa tiada sesuatu pun dapat menghalang Kristus mengasihi kita: baik kematian mahupun kehidupan, baik malaikat mahupun penguasa lain di angkasa, baik hal-hal yang berlaku sekarang mahupun pada masa akan datang; baik hal-hal yang di langit mahupun yang di bumi – tidak ada sesuatu pun di alam semesta yang dapat menghalang Allah mengasihi kita, seperti yang sudah ditunjukkan-Nya melalui Kristus Yesus, Tuhan kita!” (*Roma 8:38-39*)

Kita juga boleh menikmati jaminan tersebut, kerana keselamatan yang dimiliki ialah sebuah fakta yang nyata sekiranya kita berada di dalam Kristus.



Pembenaran

E. Pengkudusan: Pertumbuhan Yang Berterusan

Selain daripada membenaran, kita juga sedang diselamatkan. Ini merupakan satu proses untuk menjadikan kita lebih menyerupai Yesus Kristus, menjadi lebih kudus. Perkara ini dipanggil sebagai *pengkudusan*. Pembenaran berkait-rapat dengan kedudukan kita di hadapan Allah: ia adalah pengisytiharan serta merta yang kita tidak bersalah. Pengkudusan pula berkait-rapat dengan pertumbuhan yang berterusan di dalam sikap dan kelakuan kita sebagai orang Kristian. Proses ini akan berterusan selagi kita masih hidup.

Pengkudusan merupakan suatu proses. Pada dasarnya, istilah *disucikan/dikuduskan* bermaksud “*diasingkan*”. Istilah *orang kudus* berasal daripada kata dasar yang sama dan ia bermaksud “orang yang diasingkan” untuk Allah. *Pengkudusan* digunakan dengan dua cara.

- 1) *Pengkudusan* bermaksud diasingkan, atau diisytiharkan suci untuk kegunaan dan khidmat kepada Allah. Oleh yang demikian, menurut pengertian ini kita boleh mengatakan semua umat Kristian dipanggil sebagai “orang kudus” – Allah telah mengasingkan mereka untuk melaksanakan pekerjaan-Nya. “Pengkudusan” sebegini selalunya dianggap berlaku dengan segera sewaktu pertaubatan berlaku: “Tetapi Tuhan Yesus Kristus dan kuasa Roh daripada Allah kita membersihkan kamu daripada dosa, menjadikan kamu umat Allah, dan membolehkan kamu berbaik semula dengan Allah” (1 Korintus 6:11).

- 2) *Pengudusan* juga bermaksud menyucikan kehidupan umat Kristian dari segi pemulihan moral dan rohani. Proses ini mengambil tempat di sepanjang kehidupan kita. Kita haruslah “semakin bertumbuhlah dalam kasih karunia dan dalam pengenalan akan Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus.” (2 Petrus 3:18). Semakin kita matang secara rohani, kita akan “memantulkan kemuliaan Tuhan. Kemuliaan itu berasal daripada Tuhan, dan Tuhan itu Roh yang mengubah kita semua. Kita semakin menjadi seperti Dia dan semakin menjadi seperti Dia dan semakin memiliki kemuliaan-Nya” (2 Korintus 3:18).

Bagaimana cara Allah menguduskan umat-Nya? Golongan yang mengatakan pengudusan berasal sepenuhnya daripada Allah cenderung untuk memperlekehkan tanggungjawab manusia. Manakala mereka yang memperkecilkan dosa cenderung untuk melebih-lebihkan tanggungjawab manusia dalam pengudusan. Apa pula kata Alkitab tentang ini? Baca Filipi 2:12-13 dan tuliskan penemuan anda:

¹²Oleh itu, saudara-saudaraku yang tercinta, sebagaimana kamu sentiasa taat kepadaku ketika aku bersama-sama kamu, lebih mustahak lagi kamu taat kepadaku sekarang ini ketika kita berjauhan. Allah sudah menyelamatkan kamu, oleh itu kamu harus terus berusaha untuk menyempurnakan kesejahteraan kamu.

Lakukanlah hal itu dengan penuh hormat kepada Allah,
¹³kerana Allah sentiasa bekerja di kalangan kamu untuk membuat kamu mahu dan sanggup melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

(Flp 2:12-13)

Oleh kerana Allah bekerja di dalam kita, kita mampu melakukan perbuatan baik. Pada sudut yang lain pula, meskipun Allah membolehkan kita melakukan perbuatan baik, kita sendiri harus bertindak balas. Manusia tidak seharusnya menunjukkan sifat pasif atau pun keyakinan yang jahil terhadap usaha mereka sendiri. Allah adalah kemuncak pengudusan umat Kristian.

Allah berperintah:

“Biarlah Roh Allah memimpin hidup kamu dan janganlah hidup menurut keinginan tabiat manusia.” (*Galatia 5:16*)

Roh Allah memberikan kita kuasa untuk mengatasi dosa dan membuahkan buah Roh di dalam kita (*Galatia 5:22-23*). Kristus telah “menjadi hikmat bagi kita. Dia membenarkan dan menguduskan dan menebus kita.” (*1 Korintus 1:30*).

Ketika kita bergantung pada Kristus, maka kesabaran, kasih, kuasa, dan kesucian-Nya akan mula timbul dalam sikap dan kelakuan kita. Dia tidak menganugerahkan sifat-sifat ini di dalam bentuk “pakej-pakej kecil” kepada kita – kita mendapat kesemuanya melalui Kristus, yang hidup di dalam kita.

“Dengan kuasa-Nya sendiri, Allah sudah mengurniakan kita segala sesuatu yang diperlukan untuk hidup salih. Dia melakukan hal ini melalui apa yang kita ketahui tentang Allah yang telah memanggil kita untuk menikmati kemuliaan dan kebaikan-Nya sendiri.” (*2 Ptr 1:3*)

Sama seperti pembenaran, kunci utama Pengkudusan ialah iman, iaitu keyakinan utuh dan kebergantungan kepada Yesus Kristus. Kita hanya boleh diselamatkan dan dapat hidup secara efektif sebagai Kristian melalui iman. “Kamu telah menerima Kristus Yesus, Tuhan kita. Karena itu hendaklah hidupmu tetap di dalam Dia.” (Kolose 2:6). Allah melakukan apa yang tidak dapat kita lakukan. Tugas kita hanyalah untuk memberikan respon melalui iman.

F. Pemuliaan: Tanpa Dosa Di Masa Akan Datang

Penyelamatan juga bermaksud untuk masa akan datang: kita akan diselamatkan. Kita telah diselamatkan dari kuasa dosa; dan kita akan diselamatkan dari kehadiran dosa apabila kita bersemuka dengan-Nya. Kita akan menjadi sempurna dan bebas dari semua dosa. Inilah ertinya untuk kita “menerima keselamatan” (1 Tesalonika 5:9), dan penyelamatan inilah yang akan diperlihatkan pada akhir zaman seperti yang dimaksudkan oleh Paulus sewaktu dia menulis:

“Sebab sekarang keselamatan sudah lebih dekat bagi kita dari pada waktu kita menjadi percaya.” (Roma 13:11)

Pengkudusan muktamad yang sempurna ini, yang menyelamatkan kita daripada kehadiran dosa inilah yang dipanggil sebagai *pemuliaan*.

“Saudara-saudaraku yang kekasih, sekarang kita adalah anak-anak Allah, tetapi belum nyata apa keadaan kita kelak; akan tetapi kita tahu, bahwa apabila Kristus menyatakan diri-Nya, kita akan menjadi sama seperti Dia, sebab kita akan melihat Dia dalam keadaan-Nya yang sebenarnya.”

(1 Yohanes 3:2)

Penyelamatan ialah hadiah terbesar dari Allah untuk kita. Tetapi aspek-aspek yang ada di dalamnya tidak boleh dipisahkan. Dengan memahami kebenaran ini, umat Kristian akan memiliki rasa bersyukur, lebih mengasihi dan memuji Allah dengan penuh sukacita kerana Dia telah menyelamatkan mereka.



Soalan Untuk Perbincangan:

1. Ingat kembali pengalaman keselamatan anda. Apa yang membuat anda membuka pintu hati anda kepada Tuhan? Adakah anda memahami sepenuhnya keselamatan anda? Jika anda tidak memahami sepenuhnya, bilakah ia menjadi lebih nyata kepada anda?
2. Jelaskan erti perkataan bertaubat/pertaubatan secara praktikal.
3. Bagaimana intelek, emosi dan kehendak anda memainkan satu peranan dalam pertaubatan anda?
4. Jelaskan pernyataan “Iman adalah pusat kepada keseluruhan pengalaman seorang Kristian”.

5. Apakah elemen-elemen dalam iman keselamatan?
Apakah hasil daripada iman keselamatan ini?

6. Bagaimana anda menjelaskan seorang yang telah lahir semula? (Lihat 2 Petrus 1:4; 2 Korintus 5:17; Efesus 4:2; Kolose 3:10)

7. Jelaskan apa itu pembenaran, pengkudusan dan pemuliaan dalam hubungan mereka dengan penyelamatan.

8. Bagaimana Tuhan menguduskan anda? Bagaimana anda memberi respon kepada pekerjaan-Nya di dalam hidup anda?

9. Fikirkan seseorang yang anda kenal yang belum mengalami penyelamatan Tuhan. Tuliskan beberapa kunci kebenaran yang anda ingin kongsi bersama dengannya. Kemudian mulalah berdoa untuk peluang bagi anda berkongsi dengannya tentang hadiah terbesar penyelamatan dari Allah.